

FAEDAH BELAJAR KUMPULAN.

Arahan : Tarik jawapan di bawah setiap perenggan dan letakkan pada ruangan kosong yang sesuai.

Dalam zaman yang penuh persaingan ini, para pelajar sentiasa berusaha melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan ilmu demi mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang akademik. Menetapkan matlamat, menyediakan jadual waktu yang praktikal, menghadiri kelas tuisyen dan mengulang kaji pelajaran setiap hari merupakan usaha-usaha yang dilakukan oleh pelajar demi mencapai kejayaan. Namun, belajar secara berkumpulan boleh dikatakan sebagai batu loncatan ke arah kejayaan kerana usaha ini boleh mendatangkan pelbagai faedah kepada pelajar-pelajar.

Belajar secara kumpulan memberikan suasana belajar yang menyeronokkan . Seseorang pelajar akan dapat belajar atau membuat ulang kaji dengan perasaan yang ceria tanpa tekanan daripada guru-guru. Hal ini demikian kerana rakan-rakan merupakan orang yang paling dekat dengan pelajar selain ahli keluarga. Contohnya , seseorang yang pemalu tidak berani bertanya kepada guru apabila dia menghadapi masalah dalam pelajaran. Sebaliknya dia akan bertanya dan mengeluarkan buah fikirannya di depan rakan-rakan. Justeru , belajar secara berkumpulan bukan sahaja dapat memberikan suasana belajar yang menyeronokkan malahan kepada pelajar untuk memajukan diri dalam pelajaran dengan acuan sendiri.

Selain itu, para pelajar dapat berkongsi ilmu sesama mereka melalui kaedah belajar secara berkumpulan. Mereka berpeluang untuk bertukar- tukar pendapat dan pandangan tentang kaedah menjawab soalan, bertukar nota pelajaran dan lain-lain. Mereka boleh berkongsi

ilmu tentang sesuatu mata pelajaran dan bekerjasama menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru. Seseorang pelajar yang menghadiri kelas tuisyen akan lebih menguasai sesuatu ilmu berbanding dengan pelajar yang tidak berpeluang menghadiri kelas tuisyen. Melalui perbincangan secara berkumpulan, pelajar-pelajar dapat mengukuhkan kemahiran dan seterusnya mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan yang diduduki kelak.

Bak kata pepatah , muafakat membawa berkat, belajar secara berkumpulan dapat memupuk semangat kerjasama dalam diri pelajar di samping dapat menerapkan nilai toleransi. Para pelajar dapat menyiapkan sesuatu tugas dengan cepat dan berkesan melalui semangat kerjasama yang diamalkan. Contohnya , seseorang pelajar dapat menghasilkan karangan yang lebih baik dengan adanya maklumat dan idea yang lebih relevan daripada rakan rakan. Natiujahnya, belajar secara berkumpulan bukan saja dapat memupuk semangat, malah dapat hubungan sesama mereka dan meningkatkan prestasi mereka dalam akademik.

Kesimpulannya , belajar secara berkumpulan merupakan langkah yang bagi pelajar yang ingin mencapai kecemerlangan. Sebagai bakal pemimpin negara, kita seyogianya melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan memanfaatkan kaedah belajar secara bijak dan bermakna sekali gus untuk menjadi seorang yang cemerlang dan seterusnya memberikan sumbangan kepada negara pada suatu masa nanti.